

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25/8/2009



DR. Mahathir Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menyampaikan sumbangan raya kepada sebahagian anak yatim dari Rumah Amal Baitul Sakinah Wal-Mahabbah, Kota Warisan Sepang pada majlis 'Berbuka Puasa Ramadan Seribu Impian' di Hotel Marriott, Putrajaya, semalam.

Peluang memahami Islam – Dr. M

PUTRAJAYA 24 Ogos – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kehadiran masyarakat bukan Islam di majlis-majlis berbuka puasa dapat memberikan mereka peluang untuk memahami amalan dan ajaran Islam dengan lebih dekat.

Bekas Perdana Menteri berkata, keadaan itu melambangkan keharmonian di negara ini apabila semua masyarakat sama ada Islam atau bukan Islam boleh bersama-sama merayakan perayaan yang disambut oleh kaum lain.

"Ia akan beri peluang kepada mereka untuk melihat apa itu Islam dan cara orang Islam beri-

badat, walaupun kehadiran mereka mungkin tidak akan mengalih kepercayaan masing-masing tetapi sekurang-kurangnya kefahaman mereka terhadap agama Islam akan bertambah.

"Kalau di negara lain, ada perusuhan di antara satu kaum dengan kaum lain, kita di Malaysia boleh merayakan perayaan kaum lain dalam keadaan aman damai tanpa ada sekatan," katanya pada majlis berbuka puasa anjuran Hotel Marriott dan Spa Putrajaya di sini hari ini.

Hadir sama ialah isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali,

um - 25/8/2009
Pengarah Eksekutif Kumpulan IOI, Datuk Lee Yeow Chor dan Pengerus Besar Hotel Marriott dan Spa Putrajaya, Yeow Hock Siew.

Majlis 'Berbuka Puasa Ramadan Seribu Impian' tersebut turut merayakan 64 orang penghuni rumah kebajikan Baitul Sakinah Wal-Mahabbah, Sepang yang terdiri daripada golongan anak yatim, ibu dan bapa tunggal, golongan kurang upaya (OKU) dan asnaf zakat.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah menyampaikan sumbangan baju raya kepada penghuni rumah kebajikan tersebut.